

KUTKM tandatangani MoU dengan 5 syarikat ICT

Archival News | Utusan Malaysia | 20/02/2004

MELAKA 19 Feb. - Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) secara serentak dengan lima buah syarikat yang terlibat secara langsung dalam bidang kejuruteraan dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Pengerusi Lembaga Pengarah KUTKM, Tan Sri Mohd. Saleh Sulong berkata, MoU itu merupakan komitmen universiti berkenaan dalam memberi pendedahan kepada para pelajar dan kakitangannya terhadap bidang tersebut.

"Kita menandatangani lima MoU serentak dan selepas ini kita akan mengadakan kerjasama dengan syarikat-syarikat lain pula," katanya selepas menyaksikan majlis menandatangani MoU dengan lima buah syarikat di Seri Negeri, Ayer Keroh dekat sini, semalam.

Menurutnya, kelima-lima syarikat berkenaan ialah DRB-Hicom, Composites Technology Research Malaysia (CTRM), KRU Berhad, Robomatics Sdn. Bhd. dan MRJ Technologies Sdn. Bhd.

Beliau yang juga Pengerusi Kumpulan DRB-Hicom berkata, kerjasama yang dijalinkan antara KUTKM dengan syarikat-syarikat terlibat selaras dengan pendekatan pengajaran universiti itu yang lebih menjurus kepada aplikasi praktikal dalam bidang berkenaan.

Sehubungan itu katanya, sebanyak 400 pelajar daripada KUTKM akan menjalani latihan industri di kelima-lima syarikat berkenaan selama enam bulan tidak lama lagi.

MoU melibatkan kerjasama antara Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dengan DRB-Hicom, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan dengan CTRM, Fakulti Kejuruteraan Elektrik dengan MRJ Technologies dan Robomatics manakala KRU Berhad dengan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

(Source : Utusan Malaysia)